

IKLAN JAWATAN KOSONG



PARLIMEN MALAYSIA

PARLIMEN MALAYSIA MEMPELAWA WARGANEGARA MALAYSIA YANG BERKELAYAKAN UNTUK MEMOHON JAWATAN BERIKUT:

1. BUTIRAN JAWATAN

- 1.1 Jawatan/ Gred : Pereka B29
- 1.2 Kementerian/ Jabatan : Parlimen Malaysia
- 1.3 Kumpulan Perkhidmatan : Pelaksana
- 1.4 Taraf Jawatan : Kontrak
- 1.5 Bilangan Kekosongan : 2

2. GRED DAN JADUAL GAJI : RM1,499.00 – RM5,679.00 (Gred B29)

3. SYARAT LANTIKAN DAN KELAYAKAN

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:

- 3.1 Warganegara Malaysia;
- 3.2 Berumur tidak kurang 18 tahun dan tidak lebih daripada 35 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;
- 3.2 Mempunyai pengalaman yang telah terbukti dan diakui mutunya dalam bidang seni reka dan/ atau seni Lukis serta berkebolehan bertutur, membaca dan menulis dalam Bahasa Malaysia dengan memuaskan;
- 3.3 Mendapat kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu dan tiga (3) subjek yang lain pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia (SPM)/ Sijil Vokasional Malaysia (SVM) atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan; dan
- 3.4 Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta mendapat Prinsipal dalam Subjek Seni Visual pada peringkat peperiksaan tersebut; atau
- 3.5 Diploma dalam bidang seni kreatif, seni bina dalaman, seni Lukis atau reka yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada Institusi Pengajian Tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.
- 3.6 Telah lengkap divaksin.

4. CARA-CARA MEMOHON

- 4.1 Permohonan hendaklah dibuat dengan menggunakan Borang Permohonan yang boleh dimuat turun secara *online* di Portal Rasmi Parlimen Malaysia (www.parlimen.gov.my).
- 4.2 Permohonan daripada Pegawai Kerajaan yang sedang berkhidmat hendaklah melalui Ketua Jabatan masing-masing mengikut Peraturan 17 Bab 'A' Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Pelantikan, Kenaikan Pangkat dan Penamatan) 2012.
- 4.3 Borang permohonan yang lengkap hendaklah disertakan satu (1) keping gambar terkini berukuran pasport (tidak dikembalikan), *resume*, salinan *MyKad*, salinan Sijil Kelahiran, salinan Kelulusan Akademik, salinan Sijil Berhenti Sekolah serta dokumen sokongan yang berkaitan. Semua salinan dokumen tersebut hendaklah **ditandatangani dan diperakui sah** oleh Pegawai Kerajaan dari Kumpulan Pengurusan dan Professional (Gred 41 ke atas).
- 4.4 Borang permohonan yang lengkap perlu dihantar ke alamat seperti berikut:

**KETUA PENTADBIR
PARLIMEN MALAYSIA
BANGUNAN PARLIMEN
ARAS 4, BLOK AHLI PARLIMEN DAN PENTADBIRAN
JALAN PARLIMEN
50680 KUALA LUMPUR
(u.p.: Seksyen Pengurusan Sumber Manusia Dan Inovasi)**

5. TARIKH TUTUP PERMOHONAN : 04 FEBRUARI 2022 (JUMAAT)

Tarikh Iklan : 20 Januari 2022

Catatan Am:

- (a) Hanya calon yang layak selepas tapisan sahaja akan dipanggil untuk ditemu duga.
- (b) Pemohon yang tidak menerima sebarang jawapan selepas enam (6) bulan dari tarikh iklan hendaklah menganggap bahawa permohonan mereka tidak berjaya.
- (c) Segala perbelanjaan berhubung dengan permohonan temu duga jawatan ini tidak akan ditanggung oleh Kerajaan.